

## LAMPIRAN B

### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN MENJADI ANGGOTA ROMBONGAN PETUGAS HAJI (PERUBATAN) BAHARU MUSIM HAJI 1444H/2023M

1. Permohonan dibuka kepada penjawat awam Kementerian Kesihatan seperti berikut :
  - 1.1 **Bertaraf tetap / kontrak;**
  - 1.2 Berkhidmat sekurang-kurangnya **5 tahun** (pada tarikh iklan) **dalam perkhidmatan awam;** dan
  - 1.3 **BELUM PERNAH** menyertai Rombongan Petugas Haji (Perubatan) ke Tanah Suci.
2. Warganegara Malaysia.
3. Menjadi **Ahli Pendeposit TH.**
4. Beragama Islam.
5. Fasih **berbahasa Melayu.**
6. Disahkan **SIHAT** oleh Ketua Jabatan.
7. Disahkan **TIDAK MEROKOK / VAPE** oleh Ketua Jabatan.
8. Berat Badan Unggul ( BMI ) : **18 hingga 28**
9. Umur **tidak melebihi 45 tahun** pada tarikh tutup permohonan.
10. **Pegawai wanita yang telah berkahwin perlu mendapatkan persetujuan secara bertulis daripada suami manakala pegawai lelaki perlu mendapatkan pengesahan pemakluman dari isteri (rujuk perkara 9 borang permohonan).**
11. **Keutamaan** akan diberikan kepada pegawai yang **sedang** bertugas di penempatan berikut:
  - a. Jabatan Kecemasan dan Trauma
    - **Pegawai Perubatan**
    - **Penolong Pegawai Perubatan**
    - **Jururawat Terlatih**
  - b. Klinik Kesihatan
    - **Pegawai Perubatan**
    - **Penolong Pegawai Perubatan**
  - c. Wad Rawatan Rapi (ICU) / Wad Rawatan Jantung (CCU)
    - **Perubatan Am**
    - **Jururawat Terlatih**
  - d. Unit Perkhidmatan Bahan Steril (CSSU)
    - **Jururawat Terlatih**
    - **Pembantu Perawatan Kesihatan**

12. **Keutamaan** juga diberikan kepada pegawai yang mempunyai pengalaman bertugas di **pemeriksaan kesihatan bakal haji di Tanah Air.**
13. Pegawai yang **tidak layak** untuk memohon adalah seperti berikut:
- Pegawai yang masih dalam tempoh pengajian (Ijazah Pertama / Master (*Sub-Specialist*) atau sedang menunggu tawaran melanjutkan pelajaran;
  - Pegawai Perubatan Siswazah (*Housemanship*);
  - Pakar Perubatan yang dalam tempoh **pewartaan**;
  - Pegawai yang **sedang dalam tindakan tatatertib**;
  - Pegawai yang sedang menggunakan kemudahan cuti-cuti lain (cth. : cuti tanpa gaji / cuti sakit / cuti tanpa rekod) yang berkuatkuasa sepanjang tempoh operasi haji; dan
  - Pegawai wanita yang **hamil**.
14. Dokumen yang **WAJIB (jika berkaitan)** disertakan bersama borang permohonan dan **DISAHKAN** adalah seperti berikut:
- 2 x Salinan Sijil Sarjana (Master)/ *Fellowship/ Membership/ Sarjana Muda/ Diploma*;
  - 2 x Sijil Perakuan Amalan Tahunan **terkini** dan belum tamat tempoh;
  - 2 x Sijil kursus *Life Support yang* masih sah laku dan seumpamanya (BLS / ALS / ACLS);
  - 2 x Sijil Trainer kursus Life Support;
  - 2 x Salinan Sijil Pos Basik;
  - 2 x Salinan Sijil Digital Vaksinasi COVID-19; dan
  - 2 x Salinan Sijil Kompetensi (jika berkaitan)
15. Borang permohonan **WAJIB** melalui Jawatankuasa Pemilihan seperti berikut:

NO.	KEMENTERIAN/ JABATAN/ INSTITUSI BERKHIDMAT SEKARANG	LOKASI PENGHANTARAN BORANG
1	Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM)	Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM
2	Institusi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia	Institusi masing-masing
3	Jabatan Kesihatan Negeri/ Hospital/ Klinik Kesihatan/ Pejabat Kesihatan Daerah	Jabatan Kesihatan Negeri
4	Hospital Kuala Lumpur	Hospital Kuala Lumpur
5	Institusi Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM)	Bahagian Pengurusan Latihan
6	Kader KKM di Kementerian Pertahanan Malaysia	Bahagian Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Pertahanan Malaysia

7	Pegawai KKM yang ditempatkan secara mengisi jawatan kader di kementerian/ jabatan / agensi lain	Jabatan Kesihatan Negeri
---	---	--------------------------

16. **Keputusan Jawatankuasa Pemilihan adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.**